



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULAN NOVEMBER
KKLW 2016**

**28 NOVEMBER 2016, ISNIN
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

YB Datuk Alexander Nanta Linggi

dan

YB Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub

Timbalan-timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian

YBhg. Dato' Azizan bin Haji Mohd Sidin

YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailaini bin Muhamed Yunus

YBhg. Datin Seri Elena Chiang bt. Abdullah

Ketua-ketua Pengarah, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian, Rakan-rakan media

YB Dan YBhg. Dato'-Dato' dan Datin-Datin, Tuan/Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum wbt, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

1. Pertamanya saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita sekali lagi diberi kesempatan untuk sama-sama berkumpul pada pagi yang barakah ini bagi Majlis Perhimpunan Bulan November KKLW. Begitu pantas masa berlalu, kita semakin menghampiri penghujung tahun 2016 tidak lama sahaja lagi. Begitupun, masih ada beberapa program dan agenda penting yang melibatkan Kementerian seperti Pameran Korporat Program Transformasi Luar Bandar di Pusat Dagangan Dunia Putra

(PWTC) yang akan berlangsung pada 29 November hingga 3 Disember ini, diikuti dengan MAHA 2016 yang menyusul dari 1 hingga 11 Disember 2016. Oleh yang demikian, saya amat berharap agar semua pihak yang terlibat dapat meneruskan usaha dinamik dan holistik bagi melancarkan pelaksanaan program-program ini serta program-program lain yang masih dan sedang berjalan.

2. Saya juga meletakkan harapan yang sangat tinggi kepada seluruh warga KKLW dan juga agensi-agensinya di bawahnya untuk memastikan agenda pembangunan luar bandar sebagai keutamaan dalam penyampaian perkhidmatan KKLW bagi tahun 2017 yang bakal menjelang dalam tempoh kurang dua bulan dari sekarang.

Para hadirin yang saya muliakan,

BAJET KKLW 2017

3. Pada 21 Oktober 2016 yang lalu, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak telah membentangkan Bajet 2017 yang bertemakan "Merencanakan Pertumbuhan, Memastikan Pengurusan Fiskal Berhemat, Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat". Intipati-intipati Bajet 2017 ini merangkumi perancangan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), dari tahun 2016-2020 (RMKe-11) yang merupakan rancangan pembangunan lima (5) tahun yang penting ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

4. Dalam usaha melangkah ke hadapan, kita perlu mengharungi persekitaran global yang lebih mencabar. Kita menjangkakan ekonomi global akan menjadi kurang stabil dan tidak menentu akibat kejatuhan harga minyak, naik turun nilai mata wang serta risiko geopolitik dalam tempoh RMKe-11 ini.

5. Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan dan memastikan rakyat terus menikmati kemakmuran, dapat dilihat bahawa kelulusan peruntukan sebanyak RM5.830 billion iaitu **peningkatan sebanyak 27.7%** (**rujukan: Buku Bajet (P.22: KKLW)*) untuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) adalah bertumpukan kepada projek-projek *touch*

points dan bersifat *Rakyat Centric*, di mana secara tidak langsung memberi faedah yang amat besar kepada masyarakat luar bandar merangkumi semua faktor termasuk infrastruktur, prasarana, ekonomi, keusahawanan, perumahan, latihan dan pendidikan.

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hadirin yang saya kasihi sekalian,

6. Menerusi kelulusan bajet yang diperuntukkan kepada KKLW untuk tahun 2017 ini, jelas menunjukkan bahawa Kerajaan masih kekal terus memberi perhatian dan sokongan yang tinggi kepada 7.8 juta penduduk di luar bandar atau 26.9% daripada jumlah penduduk Malaysia untuk menikmati kesejahteraan sosio-ekonomi luar bandar sama seperti di bandar.

7. Antara buah tangan Bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri kepada KKLW adalah seperti berikut:-

- i. **Prasarana – RM2.415 billion bagi program Jalan Luar Bandar (JPD), Jalan Perhubungan Desa (JPD), Program Ameniti Sosial (PAMS), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Lampu Jalan Kampung (LJK);**
- ii. **Program Bantuan Rumah – RM350 juta (Bina Baru atau Baikpulih);**
- iii. Perumahan Generasi Ke-2 (Rumah Bina Negara)
(Pecahan - RISDA: **RM100 juta**, FELCRA Berhad: **RM100 juta**);
- iv. **Insentif Pekebun Kecil Dan Penoreh Getah (RM200 sebulan, untuk selama 3 bulan bermula bulan November- Januari);**
- v. **Kenaikan Elaun Ketua Kampung / Pengerusi JKKK / JKKKP / Tok Batin (daripada RM800 kepada RM900);**

- vi. Kenaikan Elaun Pembantu Pemaju Masyarakat (Sukarela) KEMAS (**daripada RM400 kepada RM500 sebulan**);
- vii. Program-Program Keusahawanan – **RM120 juta**;
- viii. *Mobilepreneur* – **RM30 juta** untuk 3,000 peserta;
- ix. Program-Program Modal Insan – **RM2.050 billion**; dan
- x. Program Kemajuan Orang Asli – **RM222 juta**

Para hadirin sekalian,

8. Apabila kita meneliti Bajet tahun 2017 ini, jelas ianya merupakan kesinambungan kepada pelaksanaan bajet tahun 2016 yang meliputi beberapa aspek berikut:

- i. Pengukuhan kepada program keusahawanan belia luar bandar seperti mobile-preneur, pembiayaan perniagaan secara Islam dan aktiviti-aktiviti ekonomi usahawan bumiputera;
- ii. Projek-projek yang berobjektifkan rakyat *centric*, *quick win* dan memberi faedah kepada golongan sasaran yang lebih besar. Contoh, Projek Jalan Kampung, Lampu Jalan Kampung, Projek Ameniti Sosial dan sebagainya;
- iii. Program-program ekonomi berasaskan pertanian kepada pekebun-pekebun kecil sama ada melalui bantuan geran atau pinjaman.

KEJAYAAN-KEJAYAAN KKLW TAHUN 2016

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan hadirin yang saya kasihi sekalian,

9. Suka saya berkongsi mengenai pencapaian-pencapaian yang telah berjaya kita capai berkat daripada hasil perancangan dan usaha gigih semua pihak dalam melaksanakan program-program Kementerian. Dari tempoh Januari sehingga November 2016, pencapaian-pencapaian yang dapat dibanggakan adalah seperti berikut:-

- KKLW melalui MARA telah berjaya membuka **MARA Digital** yang baharu di Shah Alam yang akan memberi peluang kepada golongan belia bumiputera menceburi perniagaan teknologi maklumat;
- FELCRA telah berjaya meningkatkan teknologi pertanian melalui pembelian **Gyrocopter** untuk tujuan pembajaan dan penyemburan racun di kawasan pertanian yang besar dalam tempoh yang singkat;
- Melaksanakan projek-projek infrastruktur asas seperti **Jalan Luar Bandar, Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Projek Bekalan Air Luar Bandar** seperti yang dirancang;
- Mewujudkan **WarRoom KKLW** bagi memusatkan maklumat-maklumat berhubung program dan projek yang dilaksanakan oleh KKLW di bawah Sektor Dasar, KKLW; dan
- Membantu golongan berpendapatan B40 di bawah Aktiviti Ekonomi Tambahan dengan pemberian geran tanaman hiliran dan program ekonomi/keusahawanan luar bandar.
- Melaksanakan projek **Rumah Bina Negara** di bawah Felcra dan RISDA bagi membantu golongan belia luar bandar untuk membeli rumah pertama dengan harga yang rendah.

- Memperkenalkan konsep **Mobile-preneur** kepada belia untuk memulakan perniagaan dengan lebih efisien dan kos efektif.

10. Berdasarkan peruntukan Bajet 2017 yang dihadiahkan oleh Kerajaan ini, kita meletakkan beberapa sasaran KKWL pada tahun 2017 antaranya:-

- Memastikan masyarakat luar bandar memperoleh manfaat menyeluruh sama ada dari segi kemudahan infrastruktur asas, kegiatan ekonomi, keusahawanan, bantuan-bantuan bagi mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup, memperkukuhkan pengurusan dan pentadbiran kampung dan lain-lain;
- Memastikan bantuan-bantuan tersebut dirasai oleh masyarakat luar bandar dan golongan sasaran;
- Memperkenal dan mengadakan kolaborasi dengan MDEC dan POS Malaysia bagi melaksanakan Projek Ekonomi Digital di luar bandar dan seterusnya meningkatkan akses produk luar bandar ke pasaran terbuka serta meningkatkan sumber pendapatan mereka; dan
- Mengurangkan prosedur dan birokrasi melalui proses *empowerment* prosedur-prosedur tertentu kepada agensi-agensi untuk memastikan peruntukan yang diterima dapat dibelanjakan mengikut jadual.

RUMUSAN

Para hadirin sekalian,

11. Dapat saya sifatkan bahawa pengumuman Bajet 2017 ini merupakan hadiah bermakna kepada masyarakat luar bandar kerana bajet ini bersifat *Rakyat Centric* dan seiring dengan Transformasi Luar Bandar iaitu 'Membandarkan Luar Bandar'. Ini akan menjadikan kawasan

luar bandar lebih kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan seperti infrastruktur, pembangunan modal insan dan aktiviti ekonomi.

12. Bajet 2017 ini juga menggalakkan generasi muda untuk kekal tinggal di luar bandar dan membina masa depan di luar bandar. Lebih banyak kejayaan akan dapat dicapai dalam konteks kemajuan luar bandar.

13. Kementerian ini juga akan melaksanakan *retreat* pada 8 hingga 10 Disember 2016 antaranya bagi membincangkan semua skop di bawah KKLW secara lebih mendalam termasuk penyelarasan dan pelaksanaan program/aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun 2017.

PENUTUP

Para hadirin, Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

14. Walaupun secara keseluruhannya, Kementerian dan agensi-agensi berjaya melaksanakan hampir semua projek yang disasarkan, namun saya tafsirkan terdapat lagi beberapa faktor yang perlu kita perbaiki bagi memastikan setiap amanah dan tanggungjawab dapat digalas dengan lebih sempurna lagi.

15. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran majlis ini. Semoga majlis kita pada hari ini mendapat keberkatan daripada Allah SWT dan seterusnya menjadi pemangkin semangat untuk kita memajukan masyarakat luar bandar secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhiyah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

